



Tarian Totsu-totsu

Laporan
Aktiviti
2022



torindo

“Tarian Totsu-totsu” sebagai Catan Pointilisme

“Tarian Totsu-totsu” Laporan Aktiviti 2022

● jadua kandungan

- P.1 “Tarian Totsu-totsu” sebagai Catan Pointilisme
- P.2 SEJARAH Perkembangan 13 tahun
- P.3 Perkembangan dalam FY2022
- P.4 Bengkel atas talian yang menghubungkan Malaysia Japan
- P.6 Rekod Aktiviti-aktiviti Sepanjang Lawatan di Malaysia
- P.9 Soalan Kaji Selidik Peserta Malaysia dalam Tarian Totsu-totsu
- P.10 Catatan Kembara Malaysia
- P.11 Exhibition of 2022 Activity Report
- P.13 Deria-deria, disampaikan melalui OriHime, Suntingan Video
- P.14 Wawancara: Tomoya Ishida x Cecilia Chan
- P.15 Ringkasan Lawatan Lapangan
- P.16 Wawancara: Osamu Jareo x Kamal Sabran x Megumi Kamimura
- P.18 Penutup

Merenung kembali, gelaran “tarian tots-u-totsu” dicipta oleh Osamu Jareo pada tahun 2010, yang menjadi judul kepada sebuah persembahan anjuran bandaraya Maizuru, Kyoto. Pada ketika itu, Osamu melakukan lawatan mingguan dari Osaka ke Graceville Maizuru selama 4-bulan untuk mencipta gerak tari ini.

Tanpa menguar-uarkan bahawa dia sebenarnya seorang penari profesional, Osamu menjemput penghuni demensia, “Kamu mahu ikut menari?” Pekerja di sana tidak tahu apa yang harus mereka lakukan kerana mereka tidak tahu latar belakang sebenar Osamu, dan penghuni-penghuni yang akhirnya akur untuk turut serta, malah marah dengan sekilas-kerasnya, “Ini bukanlah tarian!” Namun, Osamu terus menjemput pesakit-pesakit demensia yang lanjut usia untuk menari setiap kali dia berkunjung ke sana dan lama-kelamaan, seorang demi seorang mulai turut serta menari bersamanya.

Tidak lama setelah itu, Osamu telah menjadi sosok yang tidak asing lagi di Graceville Maizuru, seterusnya membawa kepada persembahan “tarian tots-u-totsu” pada tahun 2010 yang melibatkan penghuni dan kakitangan, serta persembahan jerayawara pada tahun 2013-2014, iaitu “Totsu-totsu Dance bahagian 2: Tentang Cinta.” Bengkel tarian Osamu yang diadakan secara bulanan di Graceville Maizuru yang bermula pada tahun 2010 kini masih berjalan setelah 13 tahun pelaksanaannya.

Dalam kembara ini juga, kami gelarkan ia sebagai sebuah usaha, berlangsung senyap-senyap tanpa gembar-gembur, dan berjaya memujuk seorang ahli falsafah, ahli antropologi budaya, seniman dan juruvideo untuk turut serta, sebagai sebuah “tarian tots-u-totsu”.

Berikut adalah sebuah puisi daripada seniman, Nobuaki Date, ditulis ketika persembahan pada tahun 2010

Nada Gagap

Dia yang mengejar cita tidak menerima tots-u-totsu.
Kerana terlihat buru-buru.

Dia yang suka mengepala tidak menerima tots-u-totsu.
Kerana terlihat menanggung peluru.

Dia yang perlu kata pikat tidak menerima tots-u-totsu.
Kerana semuanya tidak sebulu.

Dia yang bertanya, “Apakah rahsia awet mudamu?”
tidak menerima tots-u-totsu.

Kerana terlihat tubuh ‘kan melesu.

Antara kacau silam dan kalut masa depan

Hanya detik ini kita ‘kan lakar titik-titik.

Totsu-totsu, nada saat titik-titik dilakar.

Seperti yang tercatat dalam puisi, “tarian tots-u-totsu” telah bertitik dalam kesinambungan, seterusnya melambangkan betapa cermatnya proses melakukan “di sini dan di sana” selama 13 tahun, yang telah berkembang dengan perlahan-lahan, membentuk sebuah catan titik (pointilisme) yang mekar bertenaga. Tiada satu pun daripada titik-titik yang terhasil daripada 300 bengkel, dicatit daripada warna dan bentuk yang serupa. Hal ini kerana, tarian ini sentiasa segar baharu, sehingga tiada langsung kebosanan hadir menyinggah, sehinggalah ke hari ini.

Pada tahun 2020, “tarian tots-u-totsu” menemui Kamal Sabran, seniman bunyi Malaysia di alam maya, sehinggalah terbentuknya lawatan ke Malaysia pada tahun 2022. Oh, betapa bagaimana alam titik pointilisme yang bakal terbit daripada seni tari yang begitu dalam dan penuh tanda tanya, terhasil daripada beberapa siri yang dirintis daripada Maizuru.

Takeshi Toyohira, torindo,
perbadanan pertubuhan awam

Disember 2009	Osamu Jareo* ¹ and torindo begins creation at Graceville Maizuru* ² for a dance production.
7 Mac 2010	Persembahan “Tarian Totsu-totsu” (tempat: Maizuru Red Brick Warehouse)
April 2010	“Siri Totsu-totsu” secara bulanan* ³ bermula, Graceville Maizuru menjadi tuan rumah.
Mac 2014	Persembahan “Tarian Totsu-totsu bahagian ke-2 - Hikmah Cinta” di Maizuru, Jepun (tempat: Maizuru Red Brick Warehouse)
Oktober 2014	Persembahan “Tarian Totsu-totsu bahagian ke-2 - Hikmah Cinta” di Osaka (tempat: Art Area B1)
November 2014	Persembahan “Tarian Totsu-totsu bahagian ke-2 - Hikmah Cinta” di Tokyo (tempat: Asahi Art Square))
Januari 2015	Persembahan “Tarian Totsu-totsu bahagian ke-2 - Hikmah Cinta” di Sendai (tempat: Sendai Mediatheque)
Mei 2020	Bengkel atas talian “Tarian totsuo-totsu” bermula.
November 2020	Simposium “Sesi Bicara Tarian Totsu-totsu Atas Talian - Peluang Berkomunikasi melalui Tarian dan Muzik bersama Warga Emas yang Menghidap Demensia” bersama Kamal Sabran* ⁶ (tempat: YouTube Live)

***¹ Osamu Jareo**
(penari/koreografer)
Pengaruh artistik “Tarian Totsu-totsu”. Beliau mencipta gerak tari melalui sesi bicara, menganggap penyakit mahupun ketidakupayaan sebagai satu “perubahan proses kehidupan”

***² Graceville Maizuru**
Sebuah rumah jagaan warga emas istimewa di Kota Maizuru, dalam wilayah Kyoto.

***³ Siri Totsu-totsu**
Sebuah siri bengkel tarian totsuo-totsu untuk penghuni, kakitangan dan kejuruteraan fasiliti Graceville maizuru, termasuklah bengkel tarian Osamu Jareo, kafe falsafah Masaru Nishikawa*⁴, dan cafe antropologi budaya Takeshi Toyohira *⁵. Bengkel-bengkel ini berkaitan dengan Tarian Totsu-totsu.

***⁴ Masaru Nishikawa**
(terapi falsafah, jururawat)
Masaru telah membantu dalam mewujudkan bicara perihai “Tarian Totsu-totsu”. Ketika dalam proses kajian berkaitan komunikasi demensia yang sedang dijalankan kini, beliau juga turut terlibat dalam aktiviti-aktiviti lain seperti bengkel/kafe falsafah.

***⁵ Takeshi Toyohira**
(Pengaruh Torindo, pertubuhan perbadanan awam)
menghususkan bidang antropologi budaya, dan telah melawat Graceville Maizuru bersama Jareo sejak tahun 2009.

***⁶ Kamal Sabran**
(seniman bunyi dan penyelidik)
Meminati lapangan seni, kesihatan dan kebajikan, beliau telah berkarya dalam pelbagai projek seperti seni penyembuhan dan nada buana untuk pesakit Alzheimer di Malaysia.

June 2022	Mesyuarat produksi pertama* ¹ oleh kumpulan Jepun
Julai	Mesyuarat atas talian bersama kumpulan Malaysia. Mesyuarat pertama dengan Cecilia Chan* ² 5 sesi dianjurkan sebulan sekali, sehinggalah berlangsungnya lawatan ke Malaysia pada bulan Disember.
14 Ogos	Sesi bicara atas talian yang menghubungkan Malaysia dan Jepun.
28 Ogos	Bengkel atas talian yang menghubungkan Malaysia dan Jepun. Megumi Kamimura* ³ menyertai sesi ini buat pertama kali.
26 Disember	Bengkel tarian (tempat: Bagan Specialist Centre Eldercare Centre)
27 Disember	Syarahan untuk penuntut Fakulti Seni, USM (tempat: Universiti Sains Malaysia)
29 Disember	Penyertaan dalam IPOH HEALING ARTS FESTIVAL (tempat: P.O.R.T)
2 Januari 2023	Bengkel terbuka Tarian Totsu-totsu (tempat: Bagan Specialist Centre)
25 Februari	Pameran Laporan Aktiviti 2022 (tempat: Pusat Budaya Bandaraya Saitama)

● **24 Disember, 2022 - 3 Januari, 2023**

Kumpulan “Tarian Totsu-totsu” berkunjung ke Malaysia.

● **21 - 26 Februari, 2023**

Kumpulan Malaysia melawat Jepun untuk melihat kajian berkaitan penjagaan pesakit demensia di Jepun. Beberapa bengkel turut diadakan.

***¹ Mesyuarat produksi**
Satu mesyuarat produksi telah diadakan seminggu sekali oleh kumpulan Jepun. Tambahan lagi, sebuah mesyuarat produksi bersama kumpulan Malaysia juga diadakan seminggu sekali.

***² Cecilia Chan** adalah pakar gerontologi (Doktor Falsafah Gerontologi). Beliau telah menjalankan konsultasi dengan beberapa warga emas di fasiliti kebajikan warga emas, dan telah menubuhkan “Living Beyond Demetia”, sebuah komuniti kumpulan sokongan untuk menyokong mereka yang menghidap demensia, ahli keluarga dan penjaga mereka, serta membantu dalam proses memahami demensia dengan lebih baik. Kini, beliau

bertugas di Eldercare Centre bertempat di Bagan Specialist Centre.

***³ Megumi Kamimura**
penari, telah mempersembahkan karya solo beliau sejak tahun 2004. Telah berkarya dalam persembahan meliputi pelbagai lokasi di Jepun dan luar negara, termasuklah Itali, Korea, Indonesia, Finland dan UK. Terkini, beliau telah menumpukan perhatian antara jalinan hubungan kata-kata dan pergerakan, dan telah mencipta karya yang menjadi mekanisme untuk menghubungkan kedua-dua elemen ini.

Bengkel atas talian yang menghubungkan Malaysia Jepun

Sebagai persediaan untuk bengkel tarian di Malaysia, kami menganjurkan 6 sesi bicara dan bengkel atas talian untuk menghubungkan peserta-peserta dari negara Jepun dan Malaysia. Para peserta diperkenalkan oleh Cecilia yang mengepalai Eldercare Canter, seniman bunyi, Kamal, dan Osamu Jareo.

● 14 Ogos 2022

Setiap peserta hadir daripada pelbagai lokasi yang akhirnya menjalinkan hubungan yang erat sesama mereka. Selain daripada mereka yang terlibat dalam menjaga ahli keluarga yang menghidap demensia, terdapat 170 peserta lagi yang menyertai sesi bicara untuk sidang mesyuarat yang pertama, termasuklah mereka yang bekerja dalam sektor kebajikan di Malaysia dan Jepun. Malaysia merupakan sebuah negara tunas dengan purata umur 30.26 tahun (2020). Cecilia menyatakan bahawa demensia hanya dibicarakan dalam ranah dan rangka perubatan, disebabkan hanya beberapa pusat kemudahan penjagaan sahaja yang wujud. Anggota keluarga pula menjadi penjaga kepada ahli mereka yang menghidap demensia. Totsu-totsu, yang tidak melibatkan penjagaan mahupun kesenian, dan bagaimana pendekatannya akan disambut di Malaysia, adalah sebuah pengembaraan yang merintis seribu kemungkinan.



● 28 Ogos 2022

Bengkel tarian bersama Osamu, Megumi dan para peserta.

Latihan seperti "mencermin", yang mana seseorang itu mengajuk atau mengikut pergerakan orang lain, serta bicara suara tanpa menggunakan kata-kata, dijalankan bersama seni bunyi daripada Kamal. Seorang anak perempuan yang juga penjaga kepada ibunya yang menghidap demensia juga menyertai latihan ini.



● 4 September 2022

Apabila kami merasakan bahawa bengkel ini sudah mula mendapat momentum, si ibu yang menghidap demensia tadi tidak lagi berupaya menyertai latihan ini kerana tidak sihat. Akhirnya, sesi ini berubah menjadi sesi bicara/bengkel bersama penjaga, yang terdiri daripada anggota keluarga mahupun penjaga profesional. Sekali lagi, kami mendengar akan hasrat mereka untuk "mencari pilihan lain, selain daripada ubat-ubatan yang hanya melalukan mereka."

Kekuatan "totsu-totsu" terletak kepada kemampuannya untuk bertindak anjal dan menyesuaikan pendekatannya terhadap perubahan yang berlaku secara mendadak.



● 2 Oktober 2022 ● 13 November 2022 ● 3 Disember 2022

Perkumpulan "totsu-totsu" dengan perlahan-lahan mula berkembang dan kami telah mula melakukan persiapan untuk menjalankan bengkel di Malaysia dalam bulan Disember. Kami telah berbincang dengan mereka yang berminat, dan terdapat pertambahan peserta berbanding kebiasaannya.

Jumlah bilangan peserta: 50 orang

Rekod Aktiviti-aktiviti Sepanjang Lawatan di Malaysia

Pasukan Jepun yang diketuai Osamu berkunjung ke Malaysia pada 24 Disember 2022 sehingga 3 Januari 2023. Halaman ini akan memperkenalkan aktiviti-aktiviti yang mereka jalankan di pelbagai lokasi yang dilawati. *Tomoya Ishida, yang ditugaskan untuk merekod video, tidak sihat di saat-saat akhir dan perlu bertugas dari jarak jauh menggunakan robot avatar, "OriHime."

● Bengkel Tarian Terbuka



Tarikh: 26 Disember 2022

Tempat: Bagan Specialist Centre Eldercare Centre (Butterworth, Penang)

Fasilitator: Osamu Jareo dan Megumi Kamimura

Peserta: 21 warga emas menghadiri Pusat Jagaan Warga Emas, penjaga dan pelajar terlibat dalam muzik terapi.

Penyelaras: Cecilia Chan

Ringkasan:

Bertempat di rumah penjagaan orang-orang tua, kami memperkenalkan 'tarian tots-totsu' kepada warga emas yang menghidap demensia dan pasangan penjaga mereka. Aktiviti ini dijalankan di Butterworth, Pulau Pinang. Setelah melakukan aktiviti regangan dan urutan secara berpasangan, mereka kemudiannya melakukan satu senaman yang memerlukan peserta mengambil tugas sebagai "ketua" dan "pengikut", sebelum mengajak dan meniru setiap pergerakan pasangan mereka tanpa bersentuhan secara fizikal.

Komen daripada Megumi:

Setelah bengkel tamat, seorang peserta bertanya, "Apakah tujuannya melakukan aktiviti sebegini?" dan sesi perbincangan mengambil tempat seurus selepas itu. Osamu men-

jawab, "agar kita dapat bermain dalam sebuah dunia tanpa apa-apa makna." Apabila wujudnya peraturan yang difahami secara lazim, manusia akan berasa tenteram dan lebih mudah untuk bergerak. Namun, tanpa peraturan, kita akan meneroka sendiri setiap pergerakan kita.

● Syarah untuk Penuntut Seni



Tarikh: 27 Disember 2022

Tempat: Sekolah Seni, Universiti Sains Malaysia (Penang)

Penghibur: Osamu Jareo, Megumi Kamimura,

Kamal Sabran

Peserta: 110 pelajar menghadiri USM

Penyelaras: Kamal Sabran

Ringkasan:

Sebuah sesi syarah yang mana diketuai oleh penuntut. Setelah dialu-alukan dengan sebuah tarian tradisional, kami memperkenalkan konsep dan tarian "tarian tots-totsu". Setelah itu, sebuah bengkel yang diketuai oleh Osamu, Megumi dan Kamal, serta sesi muzik dan tari impromptu turut dijalankan.

Komen daripada Megumi:

Semuanya bermula tanpa apa-apa rancangan yang kukuh. Saya tidak ingat bilakah kali terakhir saya melakukan sesi

impromptu sebegini. Kamal, Osamu dan saya sendiri masing-masing meneroka dan bereaksi terhadap satu sama lain untuk memberi buah fikir akan "tugasan" yang kami perlu lakukan tika detik impromptu sedemikian. Dengan perlahan-lahan, kami juga melibatkan penuntut-penuntut tadi ke dalam sesi ini, dan meluahkan masa untuk saling mengenali dan berhubung antara satu sama lain dengan pelbagai cara dan kaedah.

● Penyertaan dalam sebuah Festival Seni



Tarikh: 29 Disember 2022

Tempat: P.O.R.T., Ipoh, Perak

Pengarah dan Penyelaras: Kamal Sabran

Ringkasan:

Sebuah festival rentas disiplin seputar topik seni penyembuhan dianjurkan di P.O.R.T, sebuah ruang alternatif di Ipoh. Ia melibatkan sebuah makmal instrumen elektronik, pembentangan pelajar kajian berkaitan terapi seni, dan persembahan-persembahan secara langsung. Osamu turut terlibat dalam bicara seni dan melakukan persembahan.

CERAMAH SENI / BENGKEL

Pelakon: Osamu Jareo, Yusuke Uraoka, Kamal Sabran

Pelakon Dalam Talian: Kiyoe Kondo, Narumi Nakai

Peserta: 104 pelajar, professional penjagaan kesihatan, orang yang berminat dengan demensia dan lain-lain

Ringkasan:

Ketika berlangsungnya sesi bicara seni, sesi atas talian bersama Kondo san, penghuni Graceville Maizuru, dan penjaganya, Nakai san, turut dijalankan. Melalui pelawaan Osamu,

para hadirin turut menyertai sesi bersama Kondo san. Irene, yang menyertai sesi atas talian sebelumnya di Jepun, turut ikut serta secara impromptu, sehinggalah acara ini bertukar menjadi sebuah sesi yang besar melibatkan Kondo san, Irene dan pelawat yang lain, mengesan pergerakan sesama mereka tatkala bergerak maju mundur dalam lingkungan gerak asal.

Komen daripada Osamu:

Sebermula sesi, pergerakan-pergerakan yang terlibat hanyalah sekadar mengikuti pergerakan sesama sendiri. Namun, setelah beberapa ketika, Irene telah menemui rentaknya yang tersendiri dan pelbagai pergerakan yang berbeza-beza muncul daripadanya. Setelah itu, beliau memberitahu kita bahwa "ketika sedang melakukan pergerakan, saya teringat akan tarian Jepun yang pernah saya pelajari, dan seterusnya saya cuba kembali mencipta pergerakan itu." Ingatan terhadap memori lalu yang telah terpendam sedalamnya dalam tubuh muncul kembali setelah tubuh menari atau berbicara adalah sesuatu yang saya juga amati di Graceville Maizuru.

PERSEMBAHAN PENYEMBUHAN

Penghibur: Osamu Jareo, Kamal sabran,

Tomoya Ishida (pengemudi OriHime)

Penonton: 97 pelajar dan lain-lain

Ringkasan:

Dalam separuh pertama sesi, Osamu dan OriHime, yang dikelolakan secara jarak jauh oleh Tomoya di Jepun, menari bersama para hadirin, dan diakhiri dengan persembahan solo Osamu melalui nada sunyi. Sesi seterusnya bertempat di pentas luar. Dalam suasana penuh damai yang dihasilkan oleh improvisasi muzik Kamal, Osamu membuat persembahan, tidak hanya dalam keterbatasan pentas, tetapi meliputi setiap penjuru kawasan acara. Hadirin hanyut dalam keterpesonaan.

Komen daripada Osamu:

Bukan sahaja terhadap muzik daripada Kamal mahupun para hadirin, tetapi saya juga menari untuk berbicara intim kepada segala alam benda yang tertakluk di dalam ruang, seperti kepada pohon-pohon, lantai tempat acara, pentas, alunan muzik daripada pembesar suara, mentol dan kipas yang tergantung di siling. Tempoh masa 20 minit berlalu sebegini sahaja.

● Bengkel Awam Tarian

Totsu-totsu



Tarikh: 2 Januari 2023

Tempat: Bagan Specialist Centre
(Butterworth, Penang)

Fasilitator: Osamu Jareo dan Toyohira Takeshi

Peserta: 95 professional kesihatan dan penjagaan

Penyelaras: Cecilia Chan

Ringkasan:

Takeshi dan Osamu memperkenalkan contoh-contoh terdahulu "tarian tots-u-totsu" dan "bengkel tarian tots-u-totsu" dengan memainkan rakaman video. Setelah itu, para peserta dipadankan dalam pasangan untuk melakukan senaman salam tangan selama 5 minit. Ketika sesi soal jawab di hujung acara, terdapat banyak soalan dan komen yang jujur daripada mereka yang sedang berhadapan dengan isu-isu serius ketika menguruskan pesakit-pesakit demensia di Malaysia.

Maklum balas daripada Osamu:

Menjawab soalan, "Bagaimana aktiviti tarian ini boleh menambah baik situasi yang dihadapi pesakit demensia," saya begitu teruja saat mendengar maklum balas daripada Anna yang telah menyertai bengkel melalui Zoom pada musim panas yang lalu; "Apabila terapi ubat-ubatan tidak lagi membuahkan sebarang hasil, dan anda tertanya-tanya bagaimana seorang pesakit demensia boleh meluangkan masanya dalam damai bahagia, maka kegiatan "tarian tots-u-totsu" inilah menjadi satu perkara yang sangat bagus."



Soalan Kaji Selidik Peserta Malaysia

dalam Tarian Totsu-totsu

Kaji selidik telah dijalankan antara peserta bengkel atas talian yang menghubungkan Malaysia, Jepun dan pengajar di universiti. Berikut adalah dapatan maklum balas dan pandangan yang kami terima.

● Pada skala 1 sehingga 5

- 5 (angat bagus)
- 4 (bagus)
- 3 (sederhana)
- 2 (di bawah paras sederhana)
- 1 (tidak bagus)


Nombor Statistik

(1)119 orang


(2)103 orang

(3)86 orang


(1) Adakah anda berpuas hati dengan "Tarian tots-u-totsu" ini?




(2) Adakah penyertaan "Tarian tots-u-totsu" bermanfaat dalam memberi perkhidmatan jagaan di masa akan datang?



(3) Adakah anda berharap akan lanjutan "Tarian tots-u-totsu" di Malaysia?



(4) Pengalaman peserta dalam memberikan perkhidmatan jagaan kepada pesakit demensia.



● Maklum Balas daripada Peserta Bengkel Atas Talian

Terdapat pelbagai maklum balas daripada para peserta namun kebanyakannya amat berminat untuk meneruskan aktiviti yang selanjutnya. Untuk mewujudkan "Tarian tots-u-totsu" di Malaysia, kesinambungan adalah kunci utama.

Ibu saya yang berusia 80-an telah didiagnos dengan penyakit demensia 4 tahun lalu. Saya menjaga ibu 1-2 kali seminggu. Muzik daripada Kamal dan gerak tari daripada Osamu dalam "tarian tots-u-totsu" begitu kreatif, interaktif dan amat mudah untuk difahami. Saya merasakan bahawa "tarian tots-u-totsu" amatlah berguna dalam penjagaan pesakit yang menderitai demensia. Saya masih belum mengetahui akan hasil "tarian tots-u-totsu" terhadap ibu saya yang menghidap demensia, namun saya berpendapat bahawa Osamu adalah seorang tenaga pengajar yang bagus. Dia seorang yang ramah mesra dan tahu untuk berinteraksi dengan mereka yang menghidap demensia melalui pelbagai sesi latihan.

Ibu saya yang kini berusia dalam lingkungan 80-an menghidap demensia 12 tahun yang lalu. Sejak daripada itu, saya telah menjaga beliau 24 jam sehari, selama 12 tahun. Kerana ibu sedang tidur sekejap, beliau tidak berpeluang menyertai bengkel ini. Namun, muzik daripada Kamal amat menakjubkan dan saya berpeluang untuk menumpukan sepenuh perhatian dalam sesi latihan. Kaedah Osamu dalam menjalankan latihan amat munasabah. Saya benar-benar percaya bahawa "Tarian tots-u-totsu" juga akan mengubah cara saya memberi khidmat penjagaan. Saya rasa bertuah kerana dapat menyertai bengkel ini.

Catatan Kembara Malaysia

Megumi Kamimura dan Yusuke Uraoka telah terlibat dalam usaha menyokong anjuran bengkel-bengkel ini. Megumi Kamimura terlibat sebagai penari dan Yusuke Uraoka sebagai kakitangan pusat jagaan. Dengan menyertai “tarian totsuo-totsu” daripada pelbagai sudut pandang, mereka mencatat pemerhatian dan apa yang mereka rasai di Malaysia. Berikut merupakan petikan daripada diari mereka yang telah disunting oleh staf produksi, Wada.

Peraturan dan jasad

Megumi Kamimura (Penari/koreografer)

26 Disember

Bertemu empat mata Cecilia, yang hanya saya lihat di atas talian sebelum ini. Semakin lama saya mendengar bicaranya, saya ceria dengan tenaga yang dia miliki, ketika membentuk rangka kerja walaupun tiada insurans dan sistem yang memberi khidmat penjagaan yang sewajarnya mengambil tempat. Saya mempelajari masalah-masalah dalam memberi khidmat penjagaan dan sistem insurans. Malah di negara Jepun sekalipun, terdapat juga antara mereka yang melihat penyakit demensia sebagai satu gejala yang memalukan, dan harus disorok sebagai satu rahsia. Saya rasa, saya tidak akan malu sekiranya ibu bapa saya menghidap demensia, tetapi saya tidaklah akan meuar-uarkan secara aktif kepada masyarakat awam juga.

2 Januari

Kebanyakan orang menganggap saya orang Cina dan bercakap dalam Bahasa Cina kepada saya. Ramai orang di tempat awam dan di jalanan memakai pelitup muka tetapi mereka tidak memandang serong kepada anda sekiranya anda tidak memakai pelitup muka. Sudah tentu, jika kadar jangkitan meningkat, situasinya pasti berbeza. Saya juga lega apabila prinsip hidup dan terus hidup (reda) mengambil peranan dalam kehidupan.

2 Januari

Pergi ke kedai dobi sebelum pukul 14:00. Tak tahu cara untuk menggunakan mesin, dan seorang wanita, yang saya rasa orang tempatan, datang membantu. Malah, dia memberi saya sabun. Dia juga memberi sabun kepada pasangan lain yang kelihatan seperti pelancong. Bukanlah tugasnya, tetapi dia mungkin hanya menolong pelancong-pelancong yang datang ke kedai dobi dan tidak tahu cara untuk menggunakannya. Separuh daripada mesin dan kemudahan dalam kebanyakan tempat adalah rosak. Namun begitu, negara ini masih berjalan dengan lancar, kerana insan-insan yang baik budi pekerti seperti wanita tadi.

Merenung Khidmat Jagaan

Warga Emas di Malaysia

Yusuke Uraoka (Staf sokongan, Graceville Maizuru)

27 Disember

Apa yang diberitahu oleh Cik Kugai, koordinator tempatan kepada saya, bahawa di Malaysia, sepertinya kebanyakan daripada mereka tidak bimbang akan masa mendatang. Adalah satu perkara yang lazim untuk keluarga mengambil berat akan warga emas. Itulah adat resamnya. Adalah satu perkara lazim kepada bayi dijaga oleh komuniti dan keluarga, begitu lah adat. Apabila mengandung, orang-orang dalam kejiwaan akan bimbangkan si ibu, “Siapa yang akan menjaga kamu bila bayi ini lahir nanti?” Kau tidak akan terasing, mereka tidak akan meninggalkanmu dalam keterasingan. Dan itulah sebabnya, kau akan menjadi warga emas di Malaysia. Kebimbangan tentang usia senja tidaklah sepertimana kebimbangan terhadap duit, tetapi lebih kepada kesunyian dan keterasingan.

29 Disember

Disember: Melalui bengkel “tarian totsuo-totsu”, saya telah menyedari betapa pentingnya interaksi dua hala, dan mencipta sebuah dunia yang didiami hanya dirimu dan insan yang satu lagi itu. Bukankah ia sebuah tindakan menyoal kembali maksud sebenar “berhubungan”? Dengan penyakit demensia, kesedaran penghidapnya menjadi kabur. Maka, berbanding cuba untuk memperbaiki kesedaran mereka, ia sebaliknya cuba memperbaiki hubungan dan memasuki dunia mereka.

Tarian Osamu. “Ketika saya menari, saya menari terfikirkan insan-insan yang saya pernah bertemu yang telah meninggal dunia.” Apabila Okada san yang sepatutnya membuat persembahan dengan saya tetapi dia tidak berpeluang melakukannya, saya merasakan bahawa Okada san berbisik, “Kini kau boleh menari dengan kedua kakimu sendiri.”

Pameran Laporan Aktiviti 2022

Tarikh: 25 Februari, 2023

Tempat: Pusat Budaya Bandaraya Saitama
(Bandaraya Saitama, Wilayah Saitama)

Sokongan jaringan: Sari kata Bahasa Jepun,
terjemahan Jepun-Bahasa Inggeris dan
juru bahasa isyarat.

Ringkasan:

Sebuah sesi bicara telah diadakan pada waktu tengah hari menampilkan seniman-seniman dan tetamu yang terlibat dalam pelbagai aktiviti untuk berkongsi pendapat mengenai Tarian Totsuo-totsu. Dalam bahagian kedua sesi bicara, para peserta dibahagikan kepada tiga kumpulan untuk sesi perbincangan yang dikemudi oleh Ryuichiro Mori, Tadashii Miura dan Masaru Nishikawa. Selain mereka yang meminati seni dan tarian, terdapat ramai peserta yang terlibat dalam kebajikan dan penjagaan warga emas di kawasan Kanto turut menyertai sesi ini, seterusnya mencipta sebuah ruang dialog rentas ranah antara komuniti, seni dan perkhidmatan jagaan.

*Untuk maklumat lanjut mengenai penceramah, klik di sini →

(<https://torindo.net/news/2022report/>)



Kandungan:

Rakaman video aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan

<Tanya Tubuh - Tarian Totsuo-totsu ke Malaysia->
Dirakam dan disunting oleh Tomoya Ishida dan Kota Baba
<“Tarian Totsuo-totsu” 2009-2015>
Dirakam dan disunting oleh Tetsu Kubota
<“Tarian Totsuo-totsu” Bengkel Atas Talian 2020>
Disunting Oleh Mikio Endo

Bengkel Atas Talian (1) & (2)

Fasilitator: Osamu Jareo dan Megumi Kamimura

Peserta atas talian:

- (1) Kiyoye Kondo (penghuni Graceville Maizuru),
Yusuke Uraoka (Graceville Maizuru Ikigai Kakitangan Sokongan),
(2) Glynis & ibu Glynis (Malaysia)

Sesi Bicara

1. Laporan aktiviti-aktiviti FY2002

Panelis: Osamu Jareo, Cecilia Chan

(Ahli Gerontologi, Bagan Specialist Center Eldercare Center),
Tomoya Ishida (Pegarah Filem),
Kamal Sabran (Seniman Bunyi),
Takeshi Toyohira (Pegarah torindo) [Pengendali].

Bengkel Pengalaman “Tarian Totsuo-totsu”

Fasilitator: Osamu Jareo, Megumi Kamimura

Perbincangan dan tinjauan berkumpulan

Fasilitator: Ryuichiro Mori

(Pegarah Program, Arts Council Saitama),
Tadashi Miura (Pegawai Program, Arts Council Saitama),
Masaru Nishikawa (Ahli terapi falsafah dan jururawat)

Foto: Hajime Kato



Photo: Hajime Kato

Deria-deria, disampaikan melalui OriHime, Suntingan Video

Tomoya Ishida, yang dijemput untuk menjadi juruvideo kembara "tarian totsuo-totsu" Malaysia tahun ini, menggunakan kerusi roda elektrik kerana distrofi otot. Beliau juga adalah seorang pengarah filem yang sedang meningkat naik. Memandangkan beliau tidak dapat menyertai lawatan ini secara langsung kerana faktor kesihatan, beliau menyertai lawatan kami dari rumahnya, melalui robot avatar, OriHime* Berikut merupakan sebahagian diari beliau yang telah disusun oleh staf produksi, Takeshi.

Penyertaan saya dalam lawatan Malaysia kali ini yang menggunakan robot avatar, OriHime amatlah mengejutkan saya. Saya merasakan sesuatu secara fizikalnya, dan amatlah berbeza daripada sekadar mendengar atau melihat rakaman gambar dan bunyi-bunyian. Perbezaan dari segi bagaimana seseorang itu menganggap sesuatu (manusia atau objek), perbezaan dari segi reaksi manusia (termasuklah gabungan pergerakan yang dimulai pengendali), tekstur imej dan bunyi melalui OriHime (kelajuan sambungan, visual yang kabur). Seolahnya, saya hidup dan menjalani sebuah dunia yang berbeza melalui OriHime.

Sesuatu yang mungkin saya mampu lakukan disebabkan oleh OriHime berbanding menggunakan Zoom, adalah dengan "berpaling" ke arah mana yang saya ingin lihat. Tertarik akan objek, manusia atau sesuatu aktiviti yang sedang berlaku, saya mampu menggerakkan OriHime dengan kerelaan saya sendiri. Mungkin inilah sebabnya saya merasakan seolah "saya mengalaminya sendiri dengan fizikal saya", berbanding sekadar "melihat" rakaman imej atau "mengetahui" apa yang telah terjadi.

Terdapat sejumlah besar bilangan gambar dan bahan bunyi yang diperlukan untuk menghasilkan video dengan hasil yang berkualiti. Walau bagaimanapun, perasaan "berada di sana" melalui proses komunikasi menggunakan OriHime, pastinya akan memberi kesan yang besar dalam proses selanjutnya, iaitu suntingan video.

Sejak bertemu Osamu, tarian yang saya fikir sebagai sesuatu yang "terlalu jauh terasingkan" telah menjadi lebih dekat dan bersemadi. Sepertinya, usaha melihat pelbagai cara manusia menggerakkan tubuh mereka untuk "menari" telah melembutkan tiap rangka keras dan tegar dalam jiwa dan raga saya. Malah pada kali ini, ia telah berevolusi pula ke satu tahap lain, yakni menari melalui tubuh lain, digelar OriHime. Setiap gerak maju dan mundur melalui OriHime menolong untuk membebaskan "tubuh saya" daripada sifat yang "degil dan keras" ini.

Mengapa saya terdorong dalam ranah "membuat filem," atau

dalam kata lain yang lebih besar, untuk "menyatakan jiwa"? Semuanya kerana rasa ingin tahu untuk "mencuba dan menjadi (atau mendekati) sesuatu yang bukannya terbit dari diri sana." Ketimbang, saat menulis sepatah demi sepatah perkataan, atau menyunting filem, saya sentiasa "berfikir (bereksperimen)." Maka, deria rasa saat menulis, atau menerbitkan filem, adalah menyerupai juga dengan rasa "berjalan beriringan dengan apa sahaja yang ingin saja jadi, apa sahaja yang saya cenderung. Saya mahu menghargai sebuah perasaan yang bertakung dalam tubuh kita, apabila nafas atau kelelahan memainkan nada serupa, antara satu sama lain, atau ketika mata kita dengan tiba-tiba melihat sesuatu yang sama.

Ketidakstabilan dan disorientasi yang saya rasai ketika bergerak ke sana ke mari antara tubuh saya dan OriHime, adalah seperti roh saya sendiri yang memasuki sebuah kelongsong lain, bukannya tubuh saya. Apabila seseorang itu cuba untuk menjadi sesuatu, ia bukan suatu hal yang mudah untuk mengeluarkan dirinya daripada jasad yang sedang didiami itu. Maka, betapa menakutkan apabila proses ini terjadi beberapa kali di sepanjang lawatan ini. Sebuah peluang untuk bebas daripada kerangka yang tanpa disedari, memerangkap (atau diperangkap). Barangkali, ia terjadi kerana kami berada dalam ranah "tarian totsuo-totsu".



Experienced a workshop in Malaysia through OriHime

Wawancara: Tomoya Ishida × Cecilia Chan

Cecilia Chan berkunjung ke Jepun buat julung kalinya untuk menghadiri pameran Laporan Aktiviti 2022. Beliau berpeluang untuk melakukan lawatan kajian di pusat jagaan warga emas di Jepun seperti Day Service Raku Raku (Crossplay Higashi Matsuyama) yang bertempat di Saitama. Setelah itu, Tomoya Ishida, yang melibatkan diri dalam "tarian totsuo-totsu" sebagai pengarah filem, mewawancara beliau tentang kegiatan yang dilakukan, pandangannya mengenai "tarian totsuo-totsu", serta kemudahan-kemudahan Jepun yang dilawatnya.

Ishida: Mengapakah awak jatuh minat akan jagaan warga emas dan gerontologi?

Cecilia: Di sepanjang tempoh 20-25 tahun, semenjak saya mula bekerja dalam sektor kebajikan. Saya bermula dengan bidang sains kesihatan untuk mereka yang sihat, namun apabila populasi warga emas di Malaysia meningkat, saya mula cenderung untuk meminati gerontologi pula.

Ishida: Saya sendiri menghidap penyakit sejak lahir lagi, yang mana menjadi semakin teruk sehingga susah untuk saya bernafas, dan pergerakan tangan saya pun terbatas. Awak melakukan pengkhususan bidang gerontologi, namun apa perasaannya kali pertama apabila awak membantu mereka yang memerlukan?

Cecilia: Kali pertama, ketika saya menjadi seorang sukarelawan di gereja. Waktu itu, saya masih remaja. Ia satu pengalaman yang mengejutkan, juga menyedihkan. Hubungan antara penjaga dan pesakit amatlah tegas dan tegar, membuatkan pesakit betul-betul rasa terasing.

Ishida: Sehingga ke beberapa ketika, saya pernah berkata, "saya minta maaf kerana menyusahkan awak" apabila seseorang menghulurkan bantuan kepada saya. Namun, saya ingat apabila saya mula menukarkan maaf kepada kata dan gerak mengiya, selepas seorang penjaga memberi tahu saya, "Jika awak ucap 'terima kasih' berbanding 'saya minta maaf', maka perhubungan itu akan menjadi lebih setara." Maka dengan itu, saya tidaklah merasa terasing atau merasa seperti sebuah beban. Apakah bentuk-bentuk aktiviti yang awak laksanakan bersama penghuni Pusat Warga Emas Bagan Hospital di Malaysia ini?

Cecilia: Dalam "J.O.Y. = Just Older Youth", konsep pusat jagaan adalah untuk memadankan program-program yang diminati oleh penghuni di sini sebagai contoh, menari, men-

yanyi, melakukan kraf tangan, malah, kadangkala memasak. Memandangkan sebahagian besar daripada mereka menghidap demensia, perkara paling penting adalah untuk mencipta suatu program yang membolehkan penghuni di sini benar-benar menikmatinya, malah mereka tertunggu-tunggu pula akan sesi seterusnya. Kami juga mempertingkatkan pemahaman untuk para penjaga mereka mengenai demensia dan bertukar-tukar idea akan cara untuk membantu para pesakit secara fizikal.

Ishida: Ketika di sekolah Istimewa, terdapat satu sesi kelas yang mana kami boleh lakukan apa sahaja yang kami suka dengan seliaan guru, dan saya masih ingat ketika itu, saya menggunakan iPad. Saya betul-betul berminat untuk mengetahui bagaimana orang lain dibantu dan dalam proses untuk mencari bantuan lebih baik untuk diri sendiri, saya memerhati kerusi roda orang lain, makanan dan pertolongan ketika ke tandas. Akhirnya, saya mencipta buku kecil saya sendiri, "Cara-cara untuk menjaga saya."

Cecilia: Sekiranya kami juga ada buku kecil seperti itu untuk pesakit demensia di pusat jagaan saya, maka bantuan yang bersifat lebih peribadi dan intim boleh dilaksanakan, dan kaedah penjagaan tersebut amatlah sepadan dengan apa yang mereka gemar dan tidak suka, dan bantuan bagaimana yang ingin mereka perolehi.

Ishida: Apa tanggapan pertama awak apabila menyaksikan tarian totsuo-totsu? Kali pertama saya menari bersama Osamu, saya agak bingung apabila dia kata, "saya mahu buat satu tarian mengenai bantuan untuk ke tandas." Namun pada masa yang sama, saya rasa selamat, kerana tubuh saya dibimbingnya tanpa rasa ragu."

Cecilia: Ketika saya menari bersama Osamu dalam bengkel

hari itu pun, saya punya perasaan serupa. Sejujurnya, kali pertama saya melihat tarian totsuo-totsu, fikiran saya amatlah keliru. Saya tak faham apa-apa, apa yang mereka buat, dan apa tujuannya.

Ishida: Dan bagaimana pula pengalaman ketika menyertai bengkel-bengkel dan sesi-sesi di Malaysia penghujung tahun lepas (2022)?

Cecilia: Ia dianjurkan selepas Krismas dan Tahun Baharu, jadi saya risau kalau tak ada orang yang akan datang, tapi ramai juga yang ikut serta. Bengkel yang pertama adalah sesi tertutup bertempat di Bagan Hospital's Eldercare Center, melibatkan 2 pesakit demensia dan keluarga mereka.

Osamu memulakan sesi dengan tiba-tiba duduk di atas lantai dan berbicara, dan semua orang agak bingung kerana orang Malaysia tidak mempunyai tabiat duduk di lantai, dan mereka tak mengerti apa yang Osamu lakukan. Pada awalnya, Osamu mengambil tugas sebagai ketua, namun kerana pergerakannya yang perlahan, seorang peserta, yang kurang sabar, terus bergerak lebih laju. Akhirnya, seperti dia pula yang memimpin tarian. Ia sesuatu yang menyeronokkan. Saya rasa, segala kejanggalan yang ada, pantas memudar.

Untuk bengkel terbuka yang dijalankan di kawasan hospital, kira-kira 100 peserta daripada pelbagai latar belakang hadir menyertai termasuklah daripada penyedia kemudahan khidmat jagaan, pakar khidmat jagaan dan para pelajar. Terdapat begitu banyak soalan-soalan yang membuktikan bahawa

mereka benar-benar meminati projek ini.

Ishida: Bagaimana pula lawatan ke fasiliti Jepun?

Cecilia: Ketika melawat Day Service Raku Raku, saya terkejut akan betapa damai, tenang dan sihatnya mereka di sana. Walaupun saya ke sana sebagai seorang perantau dan lebih-lebih lagi, orang asing, suasana di sana membuatkan saya rasa cukup diterima dalam kemesraan. Saya beberapa kali cakap, "awak sangat bagus" kepada mereka yang sedang melakukan aktiviti mewarna dan walaupun tiada jawapan balas daripada mereka, saya merasakan bahawa mereka menerima maklum balas saya, malah, perbualan yang jarang berlaku pun tidaklah terasa kejanggalannya.

Ishida: Yang terakhir, bagaimana awak ingin menggunakan pengalaman awak kali ini?

Cecilia: Jika ia berkesan di Malaysia, maka saya fikir bahawa ia juga akan berkesan di seluruh dunia, jadi, saya akan terus menerus berbicara perihal "tarian totsuo-totsu" bukan sahaja di Malaysia, malah di mana-mana sahaja.



From the left: Tomoya Ishida (film director), Cecilia Chang (gerontologist)

Ringkasan Lawatan Lapangan

Pada akhir bulan Februari 2023, Cecilia Chan dan kamal Sabran, yang bergandingan di Malaysia, telah melawat Jepun bersempena dengan sesi maklum balas. Mereka telah meneliti kajian berkenaan penjagaan pesakit demensia di Jepun dan telah menganjurkan sebuah bengkel. Fasilitas yang dilawati ketika tempoh kunjungan mereka adalah seperti berikut.

● 21 Februari

“Sonpo no Ie S Oji Kamiya”, sebuah penginapan warga emas yang dilengkapi perkhidmatan jagaan (Adachi-ku, Tokyo)
Bilangan peserta bengkel: 10 orang warga emas yang merupakan penghuni kepada fasiliti ini.

● 22 Februari

Universiti Rikkyo, Kampus Niiza (Bandaraya Niiza, Wilayah Saitama)
Bilangan peserta bengkel: kira-kira 25 orang pelajar daripada Jabatan Sains Visual dan Fizikal.

● 24 Februari


“Day Service Rakuraku”, pusat jagaan harian (Bandaraya Higashimatsuyama, Wilayah Saitama)

● Februari

“Kasugadai Center Center”, sebuah pusat budaya rentas komuniti (Aiko-gun, Wilayah Kanagawa)



Bengkel di Sompo-no-ie S Ojikamiya.



Bengkel atas talian bersama penghuni rumah jagaan warga emas istimewa, Graceville Maizuru dan juga pelajar Universiti Rikkyo.



Sesi improvisasi oleh para pelajar dengan alunan muzik yang dimainkan oleh Kamal di Universiti Rikkyo.



Melawat “Day Care Service Rakuraku.” Cecilia bertanya soalan yang cukup menarik perihal sistem dan usaha mereka.



Melawat “Day Care Service Rakuraku”. Jareo dan Kamimura berbual dengan peserta yang berkarya melalui buku mewarna.

Wawancara:

Osamu Jareo × Kamal Sabran × Megumi Kamimura

Pada tahun 2020, dalam wabak Covid, “tarian totsuo-totsu” bertukar kepada format atas talian yang menghubungkan antara Maizuru dan Tokyo. Kamal Sabran daripada Malaysia ikut serta sebagai seniman bunyi. Kami telah menjalankan wawancara bersama Osamu Jareo, Megumi Kamimura dan Kamal Sabran yang telah menjalankan bengkel di Malaysia dan Jepun dengan jayanya. Wawancara ini dilakukan melalui atas talian dan secara bersemuka di sepanjang tahun ini.



Berkenaan demensia, bagaimanakah situasi antara Jepun dan Malaysia berbeza?

Kamal: Menurut laporan-laporan, terdapat kira-kira 200,000 pesakit demensia di Malaysia. Walaupun populasi ini adalah penduduk muda, pertambahan penduduk berusia telah berkembang dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini. Saya merasakan bahawa perlunya perubahan dalam nilai yang didakap, dari segi perkhidmatan dan pemikiran, serta belajar daripada Jepun yang memiliki populasi penduduk lanjut usia.



Sehingga kini, Kamal telah berkarya melalui tema “muzik dan demensia”, tetapi, apa perasaannya setelah melakukan “tarian totsuo-totsu” bersama kami kali ini?

Kamal: Saya mendapati bahawa melalui tubuh, bunyi, penglihatan, pergerakan, sentuhan dan segala deria yang digabungkan bersama, ia membantu pesakit demensia untuk kembali mengingat segala memori dan seterusnya memberi impak yang besar terhadap rasa deria baharu.



From the left: Takeshi Toyohira (Facilitator), Osamu Jareo (dancer/choreographer), Kamal Sabran (sound artist, researcher), Interpreter, Megumi Kamimura (dancer/choreographer)

Q Di bahagian penghujung kali ini, kita ada satu sesi yang mana Osamu, para pelajar dan saya sendiri menari. Tetapi, apa pula yang memberi inspirasi kepada Kamal untuk menghasilkan muzik yang dimainkan itu?

Kamal: Saya fikir, pengalaman sebagai seorang pencatat sebelum menjadi pemuzik membawa pengaruhnya yang tersendiri. Ia seperti melihat keseluruhan sebuah pekan sekiranya suatu jalan itu ada dalam sebuah pemandangan. Berbanding sekadar menumpukan perhatian hanya kepada satu benda, saya menyeluruhi kesemua gambarannya. Malah hari ini, saya juga memerhatikan pergerakan penari-penari dan tubuh-tubuh mereka dalam keseluruhan gambaran dan selanjutnya mencipta bunyi-bunyian.

Q Osamu dan Megumi, kalian berdua telah melalui sesi atas talian bersama Kamal, sebelum bertemu dua mata sendiri dengan beliau dalam sesi di Malaysia dan Jepun. Bagaimana, ada apa-apa perbezaan?

Osamu: Kami sentiasa buat “tarian tots-totsu” tanpa apa-apa perancangan terlebih dahulu, tetapi Kamal tunggu sehingga kami berdua dengan begitu tenang, sepertinya dia berkata, “saya akan ikut kalian.” Kami benar-benar merasakannya ketika dalam sesi bersama beliau temu mata. Ada ketikanya, nada muzik boleh mengawal detik, namun disebabkan beliau memilih damai dan sabar menanti, ia memberi pengaruh yang besar dalam mencipta suasana. Berbanding sekadar mempersembahkan “ini ceritaku”, Kamal membawa bersama gagasan cerita yang disampaikan oleh para peserta dan kami sendiri. Saya fikir, itulah sebabnya pesakit demensia juga dapat ikut serta dan saya fikir, saya tidak dapat mencapainya bersendirian.

Megumi: Ketika kami menjalankan bengkel di Sampo House S Oji-kamiya pada hari itu, saya benar-benar merasakan bahawa perkara yang amat mustahak hanyalah memberi perhatian utama terhadap komunikasi dan memperoleh kepercayaan, berbanding sekadar hanya untuk memahami hasil dan keberkesannya. Dan dalam sebahagian proses ini, wujudnya sesi bicara, pergerakan dan muzik, Kamal memberitahu bahawa ketika melakukan penambahbaikan, beliau membayangkan sebuah gambaran keseluruhan yang

kabur, sebelum memasukkan setiap perincian. Melalui seseorang yang mampu mencipta satu asas yang kukuh dalam kedua-dua medium atas talian dan temu mata, sebagai seorang penari, saya rasa amat intim dan sejahtera.

Kamal: Saya mengambil bahagian dalam sesi dengan menyedari bahawa penyertaan adalah sebuah pasca tari. Seni tidak hanya sekadar sebuah hiburan, dan saya berpendapat bahawa peranan sebuah tarian dan seni adalah untuk membuatkan seseorang itu bahagia akan kebahagiaan orang lain, atau menyerlahkan nilai kewujudan mereka.

Q “Tarian tots-totsu” kini mencecah usia 10 tahun kelahirannya, yang tidak hanya berpaksikan seni mahupun usaha kebajikan, tetapi kewujudannya menyerap kedua-dua itu. Namun pada tahun ini, bukan hanya Osamu dan Megumi yang turut terlibat, dan bengkel-bengkel yang dijalankan tidak hanya bertempat di Maizuru tetapi di Kanto, termasuklah Malaysia. Sudi kongsikan pendapat dan pandangan kalian akan segala kemungkinan dan peluang untuk tarian ini?

Megumi: Saya berpendapat, ada bahayanya kita mengelaskan sesuatu sama ada “seni sebagai terapi” ataupun “terapi sebagai sebuah subjek untuk seni”. Kerana ia bukanlah kedua-duanya, dan proses menerokai sesuatu tanpa nama ini, saya fikir, boleh menjadi tunjang kepada kerja-kerja saya.

Osamu: Jalinan perhubungan yang saya idamkan, sebagai contoh, adalah para peserta dan saya sendiri pada akhirnya menjadi kedua-duanya, yakni sebagai pemberi dan penerima. Agak payah untuk membentuk perhubungan sebegini melalui satu sesi bengkel sahaja. Namun begitu, setelah melalui banyak proses, pergerakan yang berbeza daripada sesi sebelumnya tiba-tiba sahaja menjelma. Saya percaya perhubungan terbit daripada situasi sebegini. Dengan penyertaan baharu daripada Megumi, Kamal dan Cecilia, kaedah komunikasi dan gerak laku yang berbeza terhasil. Setelah bersemuka dengan peserta di seluruh dunia yang cuba mengamalkan tari ini, saya percaya bahawa kemungkinan untuk “tarian tots-totsu” berkembang lebih jauh telah menjadi sebuah kenyataan.

Penutup

Berdansa bersama pesakit demensia. Kini, “tarian tots-totsu” telah menjangkau usia 14 tahun. Sekalung penghargaan buat Graceville Maizuru Special Nursing Home di Maizuru, Kyoto, atas kemurahan hati, seterusnya menjadikan derapan kaki kami lebih jauh melangkah ke hadapan. Memandangkan tiada tempoh masa yang ditetapkan, maka tiadalah sesuatu itu dilakukan dengan tergesa-gesa, tetap ia mekar dengan detiknya yang tersendiri. Sesetengahnya, dilihat orang luar sebagai sebuah “persembahan tarian” tetapi yang sebenarnya, ia sebuah usaha intim yang melibatkan penghuni demensia dan kakitangan rumah jagaan, Osamu dan kami sendiri.

Gerak tari yang menumpukan sepenuh perhatian pada satu-satu tempat resminya akan melahirkan sebuah falsafah, dan beberapa teknik pun tercipta. Lebih daripada itu, masa telah berubah. Dalam setiap sesuatu yang berlaku, kami merasakan bahawa “Sudah tiba masanya untuk melangkah di tempat yang lain pula,” seterusnya memutuskan untuk menuju ke Malaysia.

Dalam kunjungan ke Malaysia, terdapat beberapa perkara di luar jangkaan yang berlaku (walau ada beberapa yang telah dijangka). Sebagai contoh, dalam usaha untuk mencari pesakit demensia, kami meneliti kemudahan rumah jagaan warga emas seperti di Jepun, namun, ia tidak wujud. Kebiasaannya, anggota keluarga tidak berhadapan dengan

demensia sebagai satu perkara yang terbuka. Hal ini bermakna, kami tidak dapat diperkenalkan dengan fasiliti jagaan sedemikian tidak dapat menjalankan bengkel tarian bersama kakitangan dan penghuninya. Namun begitu, kami bertuah kerana dapat bertemu dengan beberapa pesakit dan penjaga mereka, seterusnya berkongsi pengalaman yang tidak ternilai ini. Untuk masa mendatang, kami perlu kembali berfikir akan perencanaan kami.

Kami juga terpana akan sebegitu banyak permintaan mengenai cara baharu untuk menjaga pesakit demensia di Malaysia. Soalan-soalan tuntutan sedemikian yang kami terima daripada audiens setelah menerangkan perihal “tarian tots-totsu” begitu membuka mata. Namun, ia sesuatu yang agak sukar kepada kami yang melawat secara singkat untuk berkunjung ke setiap rumah dan menari. Barangkali, mungkin ada caranya untuk “tots-totsu” memetik tanpa Osamu?

Tahun hadapan dan mendatang, kami merancang untuk menerokai mereka yang sejiwa untuk sama-sama terlibat dalam “tarian tots-totsu” di tempat-tempat lain sebanyak mungkin, selain Jepun dan Malaysia. Khususnya, kami ingin meneroka wawasan untuk menggabungkan penari-penari dari Singapura dan Malaysia, serta seniman-seniman yang melakukan aktiviti bertunjangkan semangat berkumuniti. Maka sekiranya anda benar-benar mendengar, indah rencam “tots-totsu” akan berkumandang di seluruh pelosok dunia.

Takeshi Toyohira, Wakil Pengarah,
Japanese General Arts Association Torindo

●Seniman
Kamal Sabran, Cecilia Chan, Osamu Jareo, Megumi Kamimura

●Pengarah Filem
Tomoya Ishida

●Sinematografi dan suntingan
Tomoya Ishida, Kota Baba

●Video & Suntingan(Sesi Bicara)
Moeko Matsuzaki

●Rekaan Risalah
Norichika Yokota

●Terjemahan
Akiko Kume, Ciemi Fukumori, Moe Ishii

●Penyelarasan Bengkel
Cecilia Chan, Yusuke Uraoka

●Penyelarasan di Malaysia
Kyoko Kugai

●Pengarah pengurusan produksi
Takeshi Toyohira

●Pengurusan produksi
Sayo Yokota, Mafumi Wada

●Publisiti
Megumi Seki

●Dianjurkan oleh
Agency for Culture and General Association (Japan),
torindo



●Dengan kerjasama
Pak Andak Ismail, Masaru Nishikawa,
Ryichiro Mori, Tadashi Miura, Yoko Niitsuma,
Shunta Seki, Special elderly care home
Graceville Maizuru, Arts Council Saitama,
Department of Body Expression and Cinematic Arts,
College of Contemporary Psychology in
Rikkyo University, Bagan Specialist Centre
(Eldercare Centre), School of The Arts Universiti
Sains Malaysia, Ipoh Healing Arts Festival,
The Japan Foundation Kuala Lumpur,
Day Care Service Rakuraku,
Sompo-no-ie S Ojikamiya,
Kasugadai center center

● Klik di sini untuk
maklumat lanjut

Torindo
<https://torindo.net/>



Majalah Totsu-totsu (note)
https://note.com/totsutotsu_dance/



Laman YouTube "Totsu-totsu Dance "
<https://www.youtube.com/@totsu-totsudance9801>



Laman Facebook torindo
<https://www.facebook.com/torindo21>



Laman Utama Osamu Jareo
<https://www.jareo-osamu.com/>



“Tarian Totsu-totsu” Laporan Aktiviti 2022

Diterbitkan pada March 25, 2023

Diterbitkan oleh torindo

Suntingan: Takeshi Toyohira, Mafumi Wada, Sayo Yokota

Rekaan: Haru Kakiuchi

Foto: Hajime Kato (P.12)

Agency for Cultural Affairs Commissioned Project “FY2022 Project for Promotion of Cultural and Artistic Activities by Persons with Disabilities, etc.
Japan-Malaysia Collaborative Project for Dementia “Totsu-totsu Dance -like art, like care,”

